

27 NOV 1999

PM TIBA UNTUK LAWATAN KE PERLIS

ALOR SETAR, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini untuk lawatan ke Perlis dan seterusnya akan berada di Kedah sehingga hari pengundian.

Ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada pukul 1.15 petang itu disambut oleh Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan kira-kira 2,000 penyokong Barisan Nasional.

Perdana Menteri kemudiannya akan diiringi oleh Shahidan untuk melakukan lawatan ke Perlis. Di negeri itu, Dr Mahathir akan menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di padang Majlis Perbandaran Kangar pada pukul 2.45 petang.

Dr Mahathir dijangka akan kembali ke Kedah petang ini untuk menghadiri perhimpunan bersama rakyat di pekan Naka dekat sini, pada pukul 8.30 malam ini.

Esok, Perdana Menteri akan merasmikan masjid Bandar Darul Aman di Tanah Merah pada pukul 9 pagi, diikuti lawatan ke kilang DXN di Jalan Bukit Wang pada pukul 12 tengah hari.

Pada pukul 3.30 petang, Dr Mahathir akan melawat peti undi di kawasan Parlimen Kubang Pasu sebelum keluar membuang undi di Sekolah Kebangsaan Titi Gajah pada 29 Nov.

Perdana Menteri akan berlepas pulang ke ibu negara selepas itu.

-- BERNAMA

MAN LAT